



# EMPA-KIDNEY

The study of heart and kidney protection  
with empagliflozin

MRC | Population Health  
Research Unit

UNIVERSITY OF  
OXFORD

## Surat Berita Peserta Musim Bunga 2021

### EMPA-KIDNEY Telah Mencapai Sasaran Pengrekrutan!

Kepada semua peserta EMPA-KIDNEY, Terima kasih kerana sudi memberikan komitmen dengan meluangkan masa dan tenaga anda untuk kajian EMPA-KIDNEY yang masih berterusan. Pada 16 April 2021, kami telah menyelesaikan proses rawak bagi peserta yang ke-6609, maka kami telah berjaya mencapai sasaran peserta. Dengan usaha kolaboratif dari 235 hospital seluruh dunia dengan lapan buah negara yang menyumbang dan dalam masa hampir dua tahun bagi melengkapkan proses pengrekrutan, ini merupakan antara kajian

yang terbesar yang pernah dijalankan terhadap pesakit buah pinggang. Ini adalah satu pencapaian besar yang tidak mungkin dapat dicapai tanpa komitmen anda dan pasukan penyelidik di tempat anda, terutamanya dengan cabaran pandemik COVID-19. Usaha anda – untuk menyertai kajian ini, berterusan menghadiri lawatan susulan klinik, dan mengambil tablet kajian – membolehkan EMPA-KIDNEY memberikan informasi penting terhadap impak empagliflozin kepada pesakit buah pinggang kronik.

### Pelan bagi 2021 dan 2022

Kami menjangkakan kajian ini akan berterusan sepanjang 2021 hingga 2022. Tidak terdapat tarikh tetap pada 2022 di mana kajian ini akan berakhir kerana kami akan berterusan memantau data kajian, dan menghentikan kajian apabila maklumat sudah mencukupi bagi membuktikan hasil kajian yang konklusif. Kami akan memberitahu anda dengan secepat mungkin apabila sampai ke tahap ini dan objektif kajian tercapai. Maklumat lain akan disiarkan di:

[www.empakidney.org](http://www.empakidney.org)

Jika anda menerima apa-apa panggilan telefon susulan, mohon tidak terkejut jika pasukan penyelidik meminta anda untuk datang semula bagi pengambilan

sampel darah yang ketinggalan. Ini hanya akan dijalankan apabila perintah kawalan COVID-19 tempatan mengizinkan lawatan ini. Bagi memastikan keyakinan tehadap analisis kajian ini, kami ingin memohon anda, termasuk juga yang sudah berhenti mengambil ubat kajian (atas apa jua sebab) untuk terus memberi maklumat kesihatan semasa lawatan susulan setiap enam bulan dan pengambilan sampel darah jika boleh. Jika anda kehabisan tablet kerana anda tidak dapat datang ke klinik kajian disebabkan pandemik COVID-19 dan ingin mendapatkan bekalan tablet yang baru, sila hubungi pasukan penyelidikan tempatan untuk pengurusan selanjutnya.

Sebahagian daripada anda telah menerima panggilan telefon dari penyelidik kajian semasa pandemik COVID-19, tetapi adalah penting untuk lawatan bersemuka bagi membuat penilaian klinikal dan khasnya pengambilan sampel darah yang diperlukan untuk hasil utama kajian.

Duke Clinical Research Institute

Uniklinikum  
Würzburg



hd 東大病院  
The University of Tokyo Hospital

TOKAI  
UNIVERSITY



Pusat-Pusat Kerjasama Utama: Institut Penyelidikan Klinikal Duke, Carolina Utara, AS; Klinik Universiti Würzburg, Jerman; Hospital Universiti Tokyo dan Universiti Tokai, Jepun; Kinsel, Kuala Lumpur, Malaysia; Pusat Penyelidikan ANMCO Florence, Itali; Universiti British Columbia, Vancouver, Kanada; Hospital Jinling dan Hospital Fuwai, China.

## Di manakah sampel darah dan air kencing anda pergi?

Semasa lawatan kajian, darah dan air kencing anda diambil dan diukur bagi memastikan ia selamat untuk anda terus mengambil ubatan kajian. Anda juga telah memberikan sampel penting untuk dianalisa di Makmal kajian di Universiti Oxford. Sampel ini akan dibekukan di klinik anda, dihantar ke Oxford, dan diproses oleh kakitangan makmal. Gambar menunjukkan apa yang berlaku kepada sampel anda. Setiap peserta dan semua sampel adalah penting.

